



HUJAN lebat sejak awal pagi menyebabkan beberapa kawasan di Pulau Pinang khususnya di Batu Maung mengalami banjir kilat, semalam.

Batu Maung, Seberang Perai pula dilanda banjir kilat

PULAU PINANG 1 Nov. - Belum pun reda kemarahan penduduk ekoran banjir kilat paling buruk di Georgetown Sabtu lalu, penduduk di empat lagi daerah di negeri ini pula terpaksa berdepan bencana serupa awal pagi ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6 pagi itu, penduduk terjejas merupakan penghuni 763 buah rumah yang dinaiki air melibatkan satu kawasan di bahagian pulau manakala 17 kawasan lagi di Seberang Perai.

Mereka yang terjejas di bahagian pulau ialah penghuni 12 buah rumah di Batu Maung di daerah Barat Daya manakala di Seberang Perai melibatkan penghuni 751 buah rumah di tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malek Kassim berkata, banjir di kawasan itu berlaku sekitar pukul 6 pagi apabila air mula melimpah memasuki kediaman penduduk.

Walau bagaimanapun menurut beliau, banjir ekoran hujan lebat lebih tiga jam bermula pukul 4.30 pagi itu mulai surut sekitar pukul 9 pagi.

"Tiada mangsa yang dipindahkan dan kita sedang membantu penduduk terjejas membersihkan rumah mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Said Sidup berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan agensi penyelamat lain

bagi memantau situasi banjir kilat di negeri ini.

Katanya, bantuan segera juga akan diberikan sekiranya terdapat mangsa yang terpaksa dipindahkan akibat bencana tersebut.

Sabtu lalu, ribuan penduduk negeri ini khususnya di kawasan pinggir pusat bandar Georgetown terjejas ekoran banjir kilat buruk yang menenggelamkan rumah penduduk sedalam kira-kira dua meter selain menyebabkan beberapa kejadian tanah runtuh.

Banjir kilat semakin kerap berlaku sejak kebelakangan ini meskipun hujan lebat hanya dalam tempoh beberapa jam menyebabkan penduduk mendesak kerajaan DAP Pulau Pinang mencari jalan penyelesaian segera bagi mengatasinya.